



GARIS PANDUAN

**KAEDAH PENAMAAN NAMA TAMAN,
JALAN, BANGUNAN DAN TEMPAT AWAM DI
KAWASAN MBSP**

Diluluskan Oleh :

Mesyuarat Majlis Penuh Ke-556 (10/2020) pada 22 Oktober 2020

Disediakan Oleh :

Jabatan Perancang Bandar MBSP

GARIS PANDUAN KAEDAH PENAMAAN NAMA TAMAN, JALAN BANGUNAN DAN TEMPAT AWAM DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI.

Garis panduan ini disediakan untuk menjelaskan tatacara penetapan nama taman (Perumahan, Perniagaan dan Perindustrian), jalan, bangunan dan tempat awam di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai.

1.0 PEMBANGUNAN

1.1 Cara Permohonan

- a. Projek Pembangunan Yang Baru
 - i. Permohonan hendaklah dibuat oleh Perunding / Pemaju Projek berkenaan
 - ii. Permohonan hendaklah disertakan dengan 5 salinan pelan (A4 / A3)
 - iii. Perincian Pelan – Cadangan Nama Taman, Pelan Lokasi, Pelan Kunci, Komponen Pembangunan.
 - iv. Permohonan nama taman oleh pemaju hendaklah dibuat semasa Permohonan Kebenaran Merancang (PKM).

- b. Projek Pembangunan Yang Sedia Ada
 - i. Permohonan untuk menukar nama projek pembangunan hanya boleh diterima daripada badan / badan orang berikut:-
 - Ketua Menteri Pulau Pinang
 - Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
 - Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang
 - Ahli Majlis MBSP
 - Pertubuhan Politik dan
 - JKKK / MPKK

 - ii. Pelan Kasar yang menunjukkan projek pembangunan tersebut.

1.2 Cara Memberi Nama

a. Projek Pembangunan Baru

- i. Nama pembangunan hendaklah mengikut panduan berikut:-

Daerah	Tema
Seberang Perai Utara	Bunga / Suasana / Kayu – Kayan / Busana / Kebudayaan / Elemen Kimia / Elemen Logam / Elemen Batu
Seberang Perai Tengah	Buah / Suasana / Ikan / Warna / Hidupan Laut / Planet
Seberang Perai Selatan	Burung / Suasana / Alat Muzik / Rempah Ratus / Kekacang

- ii. Penggunaan corak nama yang sama dengan taman pembangunan bersebelahan adalah digalakkan. Contoh – taman perumahan bersebelahan menggunakan nama Burung, maka taman pembangunan baru hendaklah bertemakan burung.
- iii. Nama-nama yang mengambil sempena nama tempat di mana projek itu dimajukan, perkataan-perkataan yang mengandungi unsur Pendidikan seperti perkataan yang menunjukkan nilai dan sikap boleh juga dipertimbangkan.
- iv. Nama-nama lain yang diluluskan dalam Mesyuarat JK OSC
- v. Nama taman yang telah diluluskan oleh MBSP tidak boleh digunakan kecuali bagi tujuan sambungan kepada pembangunan tersebut.
- b. Menamakan projek pembangunan (perumahan / perindustrian / perniagaan) yang baru ataupun yang sedia ada dengan nama orang adalah tidak digalakkan. Walau bagaimanapun jika nama orang hendaklah dipilih garis panduan berikut hendaklah diikuti:-
- i. Nama orang yang masih hidup tidak boleh diterima kecuali kes – kes istimewa
- ii. Nama orang yang ternama boleh dipilih daripada Raja – Raja / Gabenor, Pemimpin Negara dan Menteri Besar / Ketua Menteri.

- iii. Nama orang-orang terkemuka seperti dalam bidang Pentadbiran, Jurutera, Arkitek, Doktor, Artis, Pemuzik, Seni Lukis dan Kebudayaan.
- iv. Nama baik orang itu terpelihara dan tidak tercemar semasa hidup dan sehingga kematiannya.
- v. Butir – butir latar belakang serta perkhidmatan / sumbangan terhadap masyarakat.
- vi. Orang berkenaan / waris / keluarga memberi kebenaran bertulis mengguna nama itu.

2.0 JALAN

2.1 Cara Permohonan

- a. Jalan Yang Baru di Projek Pembangunan
 - i. Permohonan hendaklah dibuat oleh Perunding / Pemaju Projek berkenaan.
 - ii. Permohonan hendaklah disertakan dengan 5 salinan pelan (A4/A3)

- b. Jalan-Jalan Yang Sedia Ada
 - i. Permohonan boleh diterima daripada badan-badan/orang berikut :
 - Ketua Menteri Pulau Pinang
 - Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
 - Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang
 - Ahli Majlis MBSP
 - Pertubuhan Politik dan
 - JKKK / MPKK

- c. Pelan kasar yang menunjukkan jalan-jalan tersebut.

2.2 Cara Memberi Nama

- a. Kesesuaian nama dengan jalan yang dicadangkan
 - i. Jalan Persekutuan
 - Nama Raja-Raja/Gabenor, Pemimpin Negara dan Menteri Besar/Ketua Menteri.


- Contohnya ialah:

Pembangunan	Tun Abdul Razak
Politik	Dato Onn Jaafar
Kemasyarakatan	Rahim Kajai
Pelajaran	Prof.Ungku Omar
Kebudayaan	P.Ramlee
Perubatan	Dr.A,Latiff


- ii. Jalan Negeri (Utama) dan jalan-jalan bandar :
 - Nama Raja-Raja, Gabenor, Pemimpin Negara, Menteri Besar/Ketua Menteri.
 - Nama orang-orang yang telah memberi sumbangan besar dan terkemuka kepada negara atau negeri. Mereka ini bolehlah meliputi berbagai bidang iaitu seperti pembangunan, politik, kemasyarakatan, pelajaran, kebudayaan, perubatan dan lain-lain lagi.
- b. Menamakan jalanraya yang baru ataupun yang sedia ada dengan orang, garis panduan berikut hendaklah diikuti :
- i. Nama-nama orang yang masih hidup tidak boleh diterima kembali kecuali kes-kes yang istimewa.
 - ii. Nama orang yang ternama boleh dipilih daripada Raja-Raja, Gabenor, Pemimpin Negara dan Menteri Besar/Ketua Menteri.
 - iii. Nama-nama orang yang terkemuka seperti dalam bidang pentadbiran, Jurutera, Arkitek, Doktor, Artis, Pemuzik, Seni Lukis dan Kebudayaan.
 - iv. Nama-nama orang yang telah memberi sumbangan besar dan terkemuka kepada negara atau negeri. Mereka ini bolehlah meliputi pelbagai bidang iaitu seperti pembangunan, politik, kemasyarakatan, pelajaran, kebudayaan, perubatan dan lain-lain lagi.
 - v. Nama-nama orang yang telah memberi sumbangan besar di peringkat Negeri dan Daerah.
 - vi. Nama baik orang itu terpelihara dan tidak tercemar semasa hidup dan sehingga kematiannya.
 - vii. Butir-butir latar belakang serta perkhidmatan / sumbangan terhadap masyarakat.

- viii. Orang berkenaan/waris/keluarga memberi kebenaran bertulis menggunakan nama itu.
- c. Nama jalan / lorong hendaklah mengikut nama taman pembangunan tersebut. Contoh – Taman Merak, maka jalan / lorong hendaklah dinamakan Jalan Merak / Lorong Merak.
- d. Jalan / lorong baru yang bersambung dengan jalan / lorong sediaada hendaklah menggunakan nama jalan / lorong sediaada.
- e. Jalan-jalan di dalam taman atau kawasan pembangunan hanya akan dinamakan kepada Jalan dan Lorong sahaja. Nama Persiaran boleh dipertimbangkan bagi laluan bersaiz minima 66 kaki mengikut kesesuaian.
- f. Nama seperti solok, tingkat, pintas, lintang, lengkok dan lain – lain tidak dibenarkan kecuali untuk sambungan dari pembangunan yang sediaada.
- g. Nama jalan yang telah diluluskan oleh MBSP tidak boleh digunakan kecuali untuk tujuan sambungan kepada jalan tersebut.
- h. Skim pembangunan terdapat cabang laluan kiri dan kanan akan menggunakan sistem susunan jalan / lorong genap dan ganjil iaitu :-

- Bahagian kiri disusun ganjil (1,3,5,7,9, dan seterusnya)
- Bahagian kanan disusun genap (2,4,6,8,10 dan seterusnya)



- i. Skim pembangunan yang tidak mempunyai cabang kiri dan kanan, susunan jalan / lorong akan mengikut turutan (1,2,3,4,5 dan seterusnya).



- j. Bagi skim pembangunan strata, susunan jalan / lorong akan mengikut turutan (1,2,3,4,5 dan seterusnya) dan menggunakan identiti yang tersendiri serta mengikut nama komuniti.
- k. Nama jalan / lorong yang di beri mestilah mengambil kira pembangunan kemajuan masa hadapan (KMH).

3.0 TEMPAT AWAM

3.1 Permohonan untuk menamakan tempat awam hanya boleh diterima daripada badan-badan / orang berikut :-

- a. Setiausaha Kerajaan Negeri
- b. Pegawai Daerah
- c. Majlis (Datuk Bandar)

3.2 Cara Memberi Nama

- a. Nama-nama yang mengambil sempena nama tempat dimajukan akan diberi keutamaan.

- b. Nama-nama mengikut corak nama ikan/ bunga/ buah-buahan/ binatang /pokok /burung /suasana dan lain-lain.
- c. Penamaan tempat awam dengan dengan nama orang adalah tidak digalakkan, walau bagaimanapun jika nama orang hendak dipilih garis panduan seperti 2.2(b).

4.0 BANGUNAN AWAM

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat oleh Perunding / Pemaju / tuan punya bangunan
- 4.2 Permohonan hendaklah disertakan dengan 5 salinan pelan tapak (A4 / A3).
- 4.3 Cara Memberi Nama
 - a. Jika sesuai nama tuan punya bangunan boleh diselaraskan dengan nama bangunan.
 - b. Nama-nama yang mengambil sempena nama tempat di mana projek itu dimajukan.
 - c. Nama-nama mengikut corak-corak nama ikan / bunga / buah-buahan / binatang / pokok / burung / suasana dan lain-lain.

5.0 BANGUNAN PERSENDIRIAN

- 5.1 Kawalan adalah dari segi perkataannya sahaja.
- 5.2 Sebarang tanda nama selain daripada yang telah diluluskan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) tidak dibenarkan dilekapkan di bangunan.
- 5.3 Permohonan perlu dikemukakan kepada MBSP diperingkat pemasangan papan tanda / iklan dengan mematuhi Undang – Undang Kecil Bayaran Lesen MPSP 1980 dan Undang – Undang Kecil (Iklan) MPSP 2001.


6.0 PENGGUNAAN BAHASA

- i. Perbendaharaan kata hendaklah dalam Bahasa Malaysia dan ianya mestilah betul dari segi tatabahasa, ejaan dan istilahnya mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ii. Bahasa Inggeris boleh digunakan dengan syarat mempunyai maksud di dalam Bahasa Malaysia (hanya di kawasan *Central Business District*).

- iii. Campuran perkataan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris / lain – lain Bahasa tidak dibenarkan. Contoh – Taman Green Sentosa.
- iv. Tidak membawa maksud negatif seperti Taman Dehaka.
- v. Penentuan nama juga boleh dirujuk di dalam Buku Garis Panduan Menamai Syarikat, Bangunan, Kawasan Perumahan, Tempat Awam dan Jalan (Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka,Edisi Kedua).
- vi. Tidak melebihi 4 patah perkataan termasuk perkataan Taman dan sebagainya.
- vii. Nama yang menggambarkan imej atau identiti tertentu yang telah sedia ada seperti penggunaan angka “1” / “@” adalah tidak dibenarkan.
- viii. Nama yang telah dipatenkan di bawah harta intelak tidak boleh digunapakai

7.0 ALIRAN PROSES

CARTA ALIRAN PERMOHONAN



8.0 **PEMBATALAN**

Garis Panduan Menamakan Projek Perumahan, Jalanraya, Tempat Awam dan Bangunan yang diluluskan Majlis Penuh pada 23.05.1987 adalah tidak terpakai selepas garis panduan baru ini diluluskan dan disahkan oleh Majlis Penuh.